



Wadah MAIPk

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

2011
Edisi Pertama
(Januari-April)
Bil. 04

www.maipk.gov.my

Penyerahan ZAKAT Perniagaan

ZAKAT FITRAH :
1 KEWAJIPAN



Dari meja KetuaEditor

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera

Pertama sekali marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, buletin Wadah MAIPk edisi pertama tahun 2011 dapat diterbitkan. Semoga dengan penerbitan buletin ini dapat memberikan maklumat dan pengetahuan kepada umat Islam khususnya di Negeri Perak Darul Ridzuan.



Bagi terbitan kali ini, sidang redaksi memberikan fokus kepada maklumat-maklumat berkaitan perbandingan kutipan dan agihan MAIPk pada tahun-tahun yang lalu dan aktiviti-aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Januari 2011 sehingga April 2011. Beberapa maklumat seperti pencapaian pungutan dan agihan zakat pada tahun 2011 juga dikongsi bersama melalui terbitan kali ini.

Pada tahun ini, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak menyasarkan kutipan dan agihan zakat berjumlah RM75 juta. Pencapaian sasaran ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada Pengurusan MAIPk serta kesedaran daripada masyarakat Islam untuk terus mengeluarkan zakat. Semoga dengan paduan di antara Pengurusan MAIPk dan pembayaran-pembayaran zakat, ramai penerima-penerima asnaf akan terbela dan harta-harta umat Islam akan bertambah berkat. Berzakat – Harta Terpelihara, Asnaf Terbela.

Sekian, terima kasih.



Sidang Redaksi

Penasihat

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin b. Syed Ikhsan

Ketua Editor

En. Mohd Haidi b. Sulaiman

Editor

En. Wan Abdul Halim Hafizd b. Mohd Amin

Jurufoto

En. Aizat b. Sabri

Editor Bersekutu

Bhg. Zakat

Bhg. Hartanah

Bhg. Khidmat Pengurusan

Edaran

Unit Korporat dan Keurusetiaan

Bhg. Khidmat Pengurusan

Diterbitkan oleh

Unit Korporat dan Keurusetiaan

Bahagian Khidmat Pengurusan

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tkt. 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan

30000 Ipoh, Perak.

Tel : 05-254 8776

Faks : 05-241 4257

Laman web: www.maiamp.gov.my

Emel: korporat@maiamp.gov.my

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

KANDUNGAN

SUDUT EDITOR	2
MUTIARA PERDANA	3
SEMASA	4 -7
BERITA SANA SINI	8-9
SEMASA	10
STATISTIK	11-13
ARTIKEL	14
BORANG BAYARAN ZAKAT DAN ALAMAT MAIPK	15
INFO TAKSIRAN	16

* PEMBETULAN

Tarikh pelantikan DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan sebagai Yang Dipertua MAIPk adalah pada 01 Julai 1997, bukan seperti mana yang dipaparkan pada buletin Wadah MAIPk Edisi 03/2010 Bilangan Ketiga. Kesilapan amat dikesali.

Petikan Titah

D.Y.T.M. RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN,
YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK SEMPENA PERSIDANGAN MAJLIS
AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK PADA TAHUN 2008

Pembangunan Roh Insan

"Demikian sifat sombang, sifat bongkak, sifat angkuh di kalangan mereka yang memiliki kuasa – dikalangan mereka yang memiliki sumber kekayaan – dikalangan mereka yang dianugerahkan sumber manusia berakal bijak; tetapi tidak memiliki roh kemanusiaan dan lompong dari segi kerohanian; lalu gagal menginsafi bahawa kuasa adalah satu amanah untuk membawa kebaikan, membina silaturahim, menyuburkan alam, memakmurkan dunia. Demikianlah pentingnya pengisian roh – pengisian nilai kemanusiaan yang amat perlu menjadi faktor pengimbang untuk menyemaikan sifat insaniah.

Beta berpandangan bahawa institusi agama dan para pemegang amanah yang bertanggung jawab menyemarakkan agama mempunyai tanggungjawab penting untuk membina insan berwajah manusia dan bersifat manusia; insan yang memiliki taqwa, insan yang memiliki keinsafan tinggi akan tanggungjawab kepada pencipta, kepada ibu bapa, kepada keluarga, kepada masyarakat, kepada setiap makhluk ILAHI dan kepada alam."

- Persidangan MAIPk kali Ke-161



Anugerah ILAHI

• "Akal dan fikiran, ilmu dan pengetahuan, pangkat dan jawatan, harta dan kekayaan, adalah anugerah ILAHI. Anugerah ILAHI juga adalah satu amanah – satu ujian. Jika anugerah ILAHI itu dihargai, maka insan yang telah mendapat anugerah sedemikian wajib memperlihatkan kesyukuran dengan menggunakan anugerah tersebut bagi melakukan kebaikan, melaksanakan keadilan, menjalin perpaduan, membina kemakmuran. Lalu negara akan terjamin aman dan warga akan dapat menumpukan fikiran dan usaha untuk membangunkan sumber-sumber negara bagi kesejahteraan rakyat."

- Persidangan MAIPk kali Ke-162

Kebijaksanaan Pimpinan Dan Insan

• "Manusia wajib sedar bahawa kebijaksanaan pimpinan dan kebijaksanaan insan menguruskan sumber secara produktif, telus dan adil merupakan faktor penting menentukan tahap kejayaan dan kemajuan sesebuah institusi, sesebuah organisasi dan sesebuah negara. Dalam menghadapi cabaran yang sentiasa berubah, demikian juga peluang baru yang turut berlainan, manusia harus bersedia dan berani melakukan pembaharuan, menerima idea baru, mencambahkan pemikiran baru dan memilih kaedah baru yang berbeza dari hari semalam. Insan-insan yang berhasrat membawa dan mencapai kemajuan tidak takut dan tidak gentar melakukan perubahan malah mentafsirkan secara positif bahawa pembaharuan itu adalah anak tangga untuk mencapai kejayaan yang lebih besar."

- Persidangan MAIPk Kali Ke-163

Transformasi Amalan Kerja

• "Dalam usaha mahu meningkatkan produktiviti dan kecekapan, sesebuah organisasi wajib bersedia memperkenalkan dan mengguna pakai kaedah penilaian yang lebih saintifik lagi telus, dan tidak boleh lari dari menggunakan kaedah penilaian kuantitatif bersandarkan analisis faktual perbelanjaan pembangunan dan kos operasi berbanding hasil pencapaian kerja.

Jabatan juga hendaklah meletakkan sasaran untuk memenangi anugerah-anugerah yang memberi pengiktirafan dari segi ukuran pencapaian pentadbiran, pengurusan kewangan dan pembangunan modal insan. Retorik perlu dikurangkan; di sebaliknya budaya kerja memenuhi pencapaian kuantitatif dan kualitatif hendaklah diamalkan secara lebih bersungguh. Jabatan juga perlu mendapatkan maklum balas pelanggan, memperkenalkan peti aduan awam serta bertindak melakukan pemberian atas setiap teguran dan rungutan yang diterima dari pelanggan."

- Persidangan MAIPk Kali Ke-164



Persidangan Majlis Kali Ke-174 dan 175

Pengukuhan Tulisan Jawi

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa, tulisan jawi merupakan sebahagian daripada warisan sejarah Melayu. Ia telah memartabatkan bahasa Melayu, dan menjadikan bahasa Melayu berperanan amat penting untuk merakamkan secara bertulis kekayaan sejarah dan warisan bangsa.

"Tulisan jawi adalah tulisan yang mendapat pengiktirafan tinggi - diguna pakai di istana Raja Melayu. Malah surat-surat dari luar negara yang diutus kepada Raja-Raja Melayu, begitu juga perjanjian-perjanjian yang dimeterai dengan Raja-Raja Melayu, ditulis dengan tulisan jawi. Sehingga hari ini, Raja-Raja Melayu meneruskan dan kekal memberi tempat yang mulia kepada warisan sejarah bangsa ini; watikah-watikah dan surat-surat utama Raja-Raja Melayu masih kekal menggunakan tulisan jawi. Keupayaan membaca dan menulis jawi juga mempunyai kaitan penting dengan penghayatan terhadap agama Islam. Al-Quran, Hadis Nabi dan kitab-kitab utama agama Islam adalah dalam tulisan jawi. Ketidakupayaan umat Islam untuk menguasai tulisan jawi dibimbangkan akan menjauhkan mereka dari sumber dan naskhah asal khazanah ilmu hasil karya pujangga dan ilmuwan Islam," titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-174 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 13 Januari 2011.

Sehubungan itu, titah Baginda lagi, usaha memastikan tulisan jawi terus hidup dan tidak pupus adalah satu perjuangan bangsa. Ia adalah sebahagian dari khazanah bangsa yang wajib dikenalkan, diberikan keutamaan dan dipertahankan selagi Melayu tidak hilang di dunia. Semangat para pejuang bahasa untuk terus mempertahankan warisan bangsa Melayu perlulah diberikan penghargaan dan diberikan sokongan oleh setiap anak Melayu yang berjiwa dan bersemangat Melayu; meski setinggi mana mencecah awan, akar bangsanya biarlah mencecah bumi di Tanah Air warisan bangsa; tahu menghargai khazanah bangsanya dan tidak merelakan warisan bangsanya dihina atau dicerca.

Agama Menentukan Kompas Moral Kehidupan Insan

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah bahawa, agama menggariskan perkara-perkara utama untuk dijadikan panduan demi menjamin hubungan harmoni terjalin di antara manusia dengan Tuhan, di antara manusia sesama manusia dan di antara manusia dengan alam semesta yang luas.

"Pekerti yang mulia, perilaku yang sopan dan pertuturan yang tertib diperlihatkan melalui tingkah laku, ketrampilan diri dan pemilihan kata-kata yang diungkapkan serta nada suara ketika bertutur. Insan yang memahami tertib – insan yang memahami adab akan memperlihatkan sifat-sifat murni, memahami dan sentiasa menghormati keperluan adat. Dalam memenuhi rukun-rukun agama, Islam telah menggariskan pelbagai perkara termasuk cara berpakaian yang sesuai untuk sesuatu ibadah atau upacara. Ketika menyempurnakan ibadah haji dan umrah, umat Islam diperlukan berihram, bagi lelaki diwajibkan hanya memakai dua helai kain yang tidak berjahit, tanpa mengira sama ada dia seorang Raja atau Presiden, sama ada dia seorang hartawan atau fakir miskin; kesemua mereka perlu seragam menghormati bentuk pakaian yang telah ditetapkan. Begitu pula ketika menuaikan solat, ketika masuk ke masjid, ketika menziarahi makam, corak pakaian hendaklah bertepatan. Cara berpakaian yang sejajar dengan sesuatu acara adalah sebahagian dari disiplin yang memperlihatkan ketinggian akal budi seseorang insan. Malah seseorang yang bertaraf Raja sendiri wajib memperlihatkan disiplin berpakaian sejajar dengan sesuatu acara yang dihadiri. Raja, meski berada di puncak takhta Kerajaan, tidak dikecualikan untuk berpakaian selaras dengan darjah sesuatu acara sebagai menghormati acara dan menghormati para tetamu yang hadir," titah Baginda semasa Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-175 di Dewan Persidangan, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 21 April 2011.

Oleh itu, titah Baginda lagi, sebagai bangsa yang bertamadun dalam negara bangsa yang berusaha membina tamadun yang cemerlang, amatlah penting agar panduan-panduan ini dihormati dan diikuti. Adab dan budaya bangsa perlu dihormati, disanjung, dipertahankan dalam semangat di mana bumi dipijak, disitu langit dijunung.

Pelantikan

Ahli Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak'

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah berkenan untuk menganugerahkan watikah pelantikan dua orang Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang baru dilantik pada bulan April 2011. Pelantikan ini telah mendapat perkenan kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan. Majlis penganugerahan watikah pelantikan ini diadakan sempena Persidangan MAIPk Kali Ke- 175 pada 21 April 2011. Dua orang Ahli MAIPk yang baru dilantik ialah Y.A.A. Dato' Haji Muhamad Asri bin Haji Abdullah, Ketua Hakim Syarie Negeri Perak dan Y.Bhg. Tuan Haji Mohd Yusop bin Haji Husin, Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

Y.A.A. Dato' Haji Muhamad Asri bin Haji Abdullah merupakan anak kelahiran Padang Rengas, Perak. Beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang pentadbiran agama Islam terutamanya bidang kehakiman. Sebelum beliau menjawat jawatan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak, beliau merupakan Hakim Rayuan Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Y.Bhg. Tuan Haji Mohd Yusop bin Haji Husin merupakan anak kelahiran Kampung Bukit Sapi, Lenggong, Perak. Beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang pentadbiran agama Islam. Sebelum beliau menjawat jawatan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, beliau merupakan Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak.

Turut berangkat hadir ke majlis ini ialah Y.A.B. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Diraja Dr. Zambray bin Abd. Kadir, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim dan Mufti Perak Darul Ridzuan, Y.A.Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria.



Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan 2011

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan dua majlis untuk golongan korporat membayar zakat perniagaan. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah berkenan mencemar duli menyempurnakan kedua-dua majlis tersebut. Majlis penyerahan zakat perniagaan yang pertama telah diadakan pada 13 Januari 2011. Pada majlis tersebut, tiga syarikat menyerahkan zakat perniagaan kepada MAIPk berjumlah RM1,350,638.04. Syarikat Felcra Berhad Wilayah Perak menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM 825,137.66, Pertubuhan Peladang Negeri Perak menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM 304,279.00 dan Etiqa Takaful Berhad menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM221,221.38.

Majlis penyerahan zakat perniagaan kali kedua telah diadakan pada 21 April 2011. Sebanyak lima syarikat menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM9,641,056.95. Tenaga Nasional Berhad menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM4,445,467.74, Lembaga Tabung Haji Negeri Perak menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM2,619,781.21, Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM2,075,808.00, GPB Corporation Sdn. Bhd. menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM300,000.00 dan Produktif Kualiti Medical Supply Sdn. Bhd. menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM200,000.00.





RM350,000.00 Untuk Para Pelajar Yang Balik Ke Mesir

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menyediakan wang saku sebanyak RM500.00 seorang untuk 700 orang pelajar Perak yang belajar di Mesir. Pemberian bantuan ini sebagai meringankan bebanan dan membantu para pelajar meneruskan proses pembelajaran yang tergendala akibat berlakunya pergolakan politik di negara Mesir.

Pemberian bantuan ini diberikan seiring dengan tindakan Kerajaan Negeri menaja penerbangan balik ke Mesir berjumlah RM1.5 juta. Satu majlis ramah mesra telah diadakan pada 6 Mac 2011 di antara pihak Kerajaan Negeri dan MAIPk dengan para pelajar dan keluarga di Kediaman Rasmi Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Pada majlis tersebut, para pelajar telah menerima bantuan tiket penerbangan dari Kerajaan Negeri dan wang saku RM500 daripada MAIPk.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak, Dato' Seri Diraja Zamby bin Abdul Kadir. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Y.B. Exco Pelajaran Negeri Perak, Dato' Mohamad Zahir bin Abdul Khalid, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Y.Bhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Pengarah JAIPk, Y.Bhg. Tuan Haji Mohd Yusop bin Haji Husin dan Pengurus Besar Yayasan Perak Darul Ridzuan, Y.Bhg. En. Abdul Jamil bin Mat Kasa.

ANUGERAH DARJAH DAN PINGAT Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan

Sempena dengan Hari Keputeraan DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan pada 19 April 2011, DYMM Sultan Azlan Muhibbuddin Shah telah berkenan menganugerahkan darjah dan pingat kepada tujuh (7) pekhidmat MAIPk yang terpilih seperti berikut :-

1. Y.Bhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk telah menerima anugerah Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Dato';
2. Y.Brs. Hajah Wan Maizura binti Hj. Wan Zahari, Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan menerima anugerah Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP);
3. Y.Brs. Ustaz Bakri bin Lee, Penolong Setiausaha Bahagian Zakat menerima Darjah Ahli Mahkota Perak (AMP);
4. Y.Brs. En. Ahmad Nazri bin Hassan, Penolong Pegawai Tadbir menerima Pingat Pekerti Terpilih (PPT);
5. Y.Brs. Puan Hajah Pauziah binti Husin, Pembantu Tadbir menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK);
6. Y.Brs. Ustaz Abdul Aziz bin Awang, Pegawai Penyelaras Masjid Daerah Manjung menerima Pingat Pekerti Terpilih (PPT); dan
7. Y.Brs. Haji Ismail bin Husin, Pemandu Kenderaan menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).

Pengurusan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak menjunjung kasih kepada DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan di atas penganugerahan darjah dan pingat tersebut.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Bagi Tahun Penilaian 2010

Satu majlis telah dianjurkan oleh Pengurusan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak bagi meraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Terpuji, Lama Berkhidmat dan Hadiah Menunaikan Haji. Bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun penilaian 2010, seramai 11 pekhidmat MAIPk telah terpilih dan seramai enam (6) orang pekhidmat MAIPk menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji. Bagi Anugerah Lama Berkhidmat, dua (2) orang pekhidmat MAIPk telah terpilih dan dua (2) orang penerima MAIPk menerima Hadiah Menunaikan Haji. Berikut merupakan senarai nama penerima-penerima anugerah-anugerah:

A. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010

1. Ustaz Bakri bin Lee – Pen. Setiausaha Bahagian Zakat
2. Cik Norfazilah binti Bawadi – Pegawai Baitulmal Daerah Seri Iskandar
3. Encik Mohd Saifulnizam bin Mohd Nasir – Penolong Akauntan, Unit Kewangan
4. Puan Marpu'ah binti Sujak – Pembantu Tadbir, Unit Kewangan
5. Puan Nor Suhaila binti Haji Shuhim – Pembantu Tadbir, Bahagian Hartanah
6. Puan Maizura binti Mohamad Nor – Pembantu Tadbir, Bahagian Zakat
7. Encik Mohd Zulkifli bin Ismail – Pembantu Tadbir, Daerah Kg. Gajah
8. Puan Shamsiah binti Saibani – Pembantu Tadbir, Daerah Teluk Intan
9. Encik Mieor Abdul Jamil bin Mieor Ahmad – Pembantu Tadbir, Daerah Lenggong
10. Encik Saiful Azhar bin Sariban – Pembantu Tadbir, Daerah Taiping
11. Encik Ahmad Za'im bin Ramli – Pemandu Kenderaan Bermotor

B. Anugerah Perkhidmatan Terpuji Tahun 2010

1. Encik Mohamad Sarifuddin bin Mahfuz – Pembantu Tadbir, Unit Penerbitan
2. Ustaz Megat Khairuni bin Megat Ibrahim – Penyelia Mubaligh, Ibu Pejabat
3. Ustaz Abdul Halim bin Abdul Latiff – Mubaligh Daerah Ipoh
4. Ustaz Azmi bin Abdullah – Mubaligh Daerah Gerik
5. Ustaz Sulaiman bin Yusoff – Guru Al-Quran, Daerah Gerik
6. Ustaz Syaffawi bin Zainun – Guru Al-Quran, Daerah Kuala Kangsar

C. Anugerah Perkhidmatan Lama Berkhidmat

1. Haji Mahleb bin Dahlan – Ketua Pembantu Tadbir, Bahagian Zakat
2. Hajah Zaharah binti Razali – Mubaligh, Daerah Kuala Kangsar

D. Hadiah Menunaikan Fardhu Haji 1432H

1. Encik Nazari bin Ismail – Pembantu Luar, Daerah Tapah
2. Puan Lozaiah binti Hamzah – Pembantu Tadbir, Bahagian Zakat





Para pekhidmat MAIPk sedang mengikuti Bengkel Perkhidmatan Bil. 01/2011 yang diadakan pada 18 Januari 2011 di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 4, Kompleks Islam Darul Ridzuan.



Mesyuarat Bersama Pentadbir-Pentadbir Tanah Seluruh Negeri Perak pada 19 Januari 2011 yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.



Para pekhidmat MAIPk sedang mengikuti Kursus Open Office yang diadakan pada 25 dan 26 Januari 2011 di Perak Trade & Technology Center, Jelapang, Perak.



Majlis menandatangani Perjanjian Pelantikan Agen Kutipan Zakat dan Penyerahan Zakat Perniagaan Agro Bank antara pihak MAIPk dan Agro Bank pada 28 Januari 2011.



Para pegawai MAIPk sedang menyiapkan tugas yang diberikan semasa Kursus Etiket dan Protokol yang berlangsung pada 7 sehingga 10 Februari 2011.



Para pekhidmat MAIPk sedang mengikuti Bengkel Kewangan Bil. 01/2011 yang disampaikan oleh En. Mohd Yusoff bin Samsuri pada 18 Februari di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan.



Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk menyaksikan simbolik penyerahan tajaan suratkhabar Utusan Melayu oleh Syarikat Utusan Melayu (M) Bhd. kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Perak pada 18 Februari 2011 di SMK Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.



Bengkel Kepimpinan Khidmat Alturistik yang diadakan untuk para pegawai MAIPk yang diadakan mulai 20 sehingga 23 Februari 2011



Pegawai Baitulmal Daerah Manjung menerima sijil daripada Ketua Penolong Setiausaha MAIPk sempena Bengkel *Standard Operation Procedure* Agihan Zakat MAIPk yang diadakan di Hotel Heritage, Ipoh pada 1 sehingga 3 Mac 2011.



Para pekhidmat MAIPk sedang mengikuti ucapan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk ketika Perhimpunan Bulanan Bil. 01/2011 pada 17 Mac 2011.



Penolong Setiausaha Bahagian Zakat menerima cenderahati daripada Y.A.B. Dato' Seri Diraja Dr. Zambray bin Abd. Kadir sempena penyertaan kaunter MAIPk pada Program Klinik Dr. Zambray bagi daerah Ipoh pada 22 Mac 2011.



Pekhidmat MAIPk menerima sijil daripada Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pemgurusan sewaktu program perasmian penutup Kursus Fotografi Digital di Taiping Golf Resort, Taiping pada 28 sehingga 30 Mac 2011.

Program Hari Keluarga MAIPk 2011

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) pada tahun ini telah menganjurkan satu program iaitu Hari Keluarga MAIPk 2011 pada 19 Mac 2011. Kelab Sukan dan Sosial MAIPk diberi tanggungjawab bagi menguruskan program ini. Semua pekhidmat MAIPk termasuk Guru Al-Quran dan Mubaligh telah dijemput ke program ini. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim di antara para pekhidmat MAIPk. Di samping itu, program ini menjadi wadah untuk menghimpunkan para pekhidmat MAIPk.

Seramai 220 orang dewasa dan 130 kanak-kanak menyertai program ini. Program ini bermula dengan pendaftaran pada jam 8.00 pagi dan disusuli dengan majlis perasmian oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Y.Bhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan pada pukul 9.30 pagi. Pelbagai acara sukaneka disediakan untuk golongan dewasa dan kanak-kanak pada waktu pagi sehingga tengahari. Antara acara sukaneka untuk golongan dewasa ialah charlie chaplin di mana para peserta perlu berlari dengan membawa bola dan payung, acara ketam ball di mana para peserta perlu berjalan membawa bola ping pong menggunakan chopstick, acara span bocor dan kerusi muzik.

Bagi kanak-kanak pula, antara acara sukaneka yang dijalankan ialah hembusan kabus di mana kanak-kanak mencari gula-gula di dalam tepung dan acara sambung straw di antara para ibu dan anak. Terdapat juga acara khas untuk suami dan isteri iaitu acara yang dinamakan sayang-menayang. Acara ini dilakukan apabila para suami membaling belon yang berisi dengan air kepada pasangannya dan sebaliknya.

Pada waktu sebelah petang, acara pentas telah diadakan di mana semua peserta memberi tumpuan kepada acara pelancaran Kelab Sukan dan Sosial MAIPk (KSS MAIPk), penyampaian hadiah pertandingan logo KSS MAIPk dan acara kemuncak iaitu penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang acara sukaneka dan cabutan-cabutan bertuah. Antara hadiah-hadiah cabutan bertuah yang diperolehi oleh peserta ialah telefon bimbit, barang elektronik, pembancuh kopi, perkakas dapur dan Toshiba LCD TV 32". Peserta program Hari Keluarga MAIPk 2011 yang bertuah bagi menerima hadiah cabutan bertuah Toshiba LCD TV 32" ialah Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari. Peserta-peserta program ini juga dihiburkan dengan sketsa pentas yang menggabungkan deklamasi sajak, lakonan dan humor.



KUTIPAN ZAKAT

MENGIKUT JENIS BAGI SELURUH DAERAH NEGERI PERAK

BERMULA JANUARI 2011 SEHINGGA APRIL 2011

Bil	Jenis Zakat Daerah	Emas & Perak	KWSP	Pelaburan & Saham	Pendapatan	Perniagaan	Simpanan	Tanaman	Ternakan	Jumlah
1	Bagan Serai	1,810.00	6,299.80	-	16,891.40	45,876.98	161,184.25	78,568.45	-	310,630.88
2	Batu Gajah	2,080.00	14,584.25	500.00	10,007.50	2,250.00	285,561.77	836.10	1,100.00	316,919.62
3	Gerik	-	7,356.40	150.00	14,489.50	13,541.72	77,010.40	-	1,500.00	114,048.02
4	Ibu Pejabat	35,847.80	206,050.47	16,587.80	4,019,187.50	10,610,228.76	2,807,429.41	827,917.66	500.00	18,523,749.40
5	Kampar	3,841.00	8,965.00	9,325.00	5,528.00	3,320.00	54,113.80	900.00	-	85,992.80
6	Kampong Gajah	2,009.99	4,228.00	-	7,312.00	113,738.55	86,813.97	122,918.67	12,960.00	349,981.18
7	Kuala Kangsar	5,747.35	36,425.81	9,075.50	102,433.99	52,489.04	503,883.07	845.27	-	710,900.03
8	Lenggong	637.00	4,152.50	-	9,053.00	43,305.00	91,931.50	-	2,800.00	151,879.00
9	Manjung	10,390.25	85,673.78	6,673.15	177,957.64	241,873.79	475,868.50	1,334.50	-	999,771.61
10	Parit Buntar	1,250.50	22,757.56	5,950.00	29,142.97	27,937.00	182,299.79	21,912.20	-	291,250.02
11	Pengkalan Hulu	150.00	3,533.00	-	3,232.00	1,050.00	29,346.65	-	-	37,311.65
12	Selama	500.00	2,511.90	435.00	16,619.00	150.00	14,871.94	-	-	35,087.84
13	Seri Iskandar	1,988.00	16,802.80	996.00	91,291.72	58,061.90	274,554.54	43,072.85	-	486,767.81
14	Slim River	1,146.00	14,845.62	800.00	47,644.85	8,540.75	153,271.25	-	-	226,248.47
15	Taiping	2,945.18	33,505.85	604.00	47,154.55	46,880.00	416,808.04	375.00	350.00	548,622.62
16	Tapah	2,681.80	27,586.90	4,810.00	18,494.15	53,145.05	385,041.60	1,725.00	3,700.00	497,184.50
17	Teluk Intan	4,615.10	44,601.30	1,500.00	64,831.88	59,308.87	369,717.19	27,925.05	300.00	572,799.39
	Jumlah	77,639.97	539,880.94	57,406.45	4,681,271.65	11,381,697.41	6,369,707.67	1,128,330.75	23,210.00	24,259,144.84


AGIHAN ZAKAT

DI BAWAH ASNAF FAKIR DAN MISKIN


MENGIKUT DAERAH JANUARI 2011 SEHINGGA APRIL 2011

	KEWANGAN BULANAN		PERUBATAN		PERSEKOLAHAN		MODAL		BINA/BAIK PULIH RUMAH	
DAERAH	Bil. Penerima	Jumlah (RM)	Bil. Penerima	Jumlah (RM)	Bil. Penerima	Jumlah (RM)	Bil. Penerima	Jumlah (RM)	Bil. Penerima	Jumlah (RM)
Ipoh	750	564,000.00	143	978,417.00	2183	399,960.00	6	31,800.00	-	-
Batu Gajah	197	161,950.00	13	102,340.00	453	90,250.00	-	-	10	129,000.00
Kampar	327	219,450.00	4	37,480.00	312	126,050.00	-	-	1	10,000.00
Tapah	73	106,050.00	10	104,730.00	894	308,578.50	-	-	10	265,000.00
Slim River	104	70,250.00	1	12,000.00	391	110,405.00	-	-	-	-
Seri Iskandar	253	178,630.00	1	4,900.00	640	148,237.80	3	8,000.00	3	69,000.00
Kg. Gajah	190	129,650.00	2	1,096.00	382	98,363.50	-	-	-	-
Manjung	316	230,800.00	55	452,420.00	668	148,197.20	-	-	26	408,500.00
Teluk Intan	690	480,400.00	51	403,715.00	397	150,628.75	1	2,500.00	53	823,500.00
Kuala Kangsar	431	309,200.00	12	87,900.00	487	126,938.50	3	7,500.00	34	309,000.00
Lenggong	408	304,450.00	-	-	222	52,745.55	-	-	1	10,000.00
Gerik	67	53,600.00	-	-	368	73,600.00	-	-	-	-
Pengkalan Hulu	50	40,400.00	3	5,945.00	342	74,805.00	1	11,900.00	4	102,500.00
Taiping	455	593,400.00	156	1,103,342.00	927	423,744.94	-	-	15	321,000.00
Bagan Serai	286	241,400.00	7	6,870.00	1513	533,156.60	1	1,545.00	23	528,500.00
Parit Buntar	418	874,000.00	17	74,919.00	633	235,004.66	-	-	16	768,000.00
Selama	311	258,300.00	2	6,460.00	861	172,200.00	-	-	16	293,500.00
Jumlah	5,326	4,815,930.00	477	3,382,534.00	11,673	3,272,866.00	15	63,245.00	212	4,037,500.00

CARTA AGIHAN ZAKAT (2000-2010)



CARTA PUNGUTAN ZAKAT (2000-2010)



Pengaruh Budaya Korporat Terhadap Prestasi Sesebuah Organisasi¹

Oleh: Abu Ilham Wan Abdul Halim Hafizd bin Mohd Amin

Definisi Budaya

Budaya boleh didefinisikan sebagai perkongsian falsafah, nilai, ideologi, harapan, perlakuan, kepercayaan, pegangan, sikap, norma dan adat yang sama-sama diamalkan oleh sesebuah kelompok ahli dalam organisasi. Ia juga merupakan cara konvensional bagaimana seseorang individu itu berfikir dan bertindak, cara memahami realiti, mengenalpasti dan menyelesaikan masalah dalam sesebuah organisasi. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga, budaya membawa maksud kemajuan akal fikiran dan akal budi (cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya). Secara umumnya, budaya merujuk kepada suatu set kepercayaan, pemikiran, norma yang dikongsi bersama bagi membina dan memacu kemajuan masyarakat.

Definisi Budaya Dalam Konteks Organisasi

Terdapat pelbagai pandangan dan jawapan yang diberikan oleh pakar dan tokoh dalam mendefinisikan budaya dalam konteks organisasi. Berdasarkan pendapat-pendapat yang diutarakan, terdapat perbezaan dalam pendefinisian terhadap budaya berdasarkan kajian dan pemahaman mereka terhadap budaya organisasi.

Menurut Schein, budaya organisasi merupakan andaian dan kepercayaan asas yang dikongsi antara ahli dalam organisasi. Pendapat beliau ini telah disokong oleh Morgan yang menganggap budaya organisasi sebagai alat penting dalam menetapkan idea, nilai, norma, adat dan kepercayaan bagi usaha untuk menjadikan organisasi sebagai sebuah kelompok sosial. Menurut Sachman pula, budaya bertindak sebagai mekanisme kawalan yang boleh meningkatkan komitmen terhadap organisasi, melaksanakan integrasi antara firma serta membantu dalam proses penyesuaian terhadap sebarang perubahan yang akan dilakukan.

Oleh itu, pelaksanaan perubahan organisasi perlu mengambil kira budaya yang terlibat dalam sesebuah organisasi. Kefahaman yang tinggi dalam aspek ini akan memudahkan pemimpin dalam melakukan sebarang perubahan. Budaya organisasi yang kuat dilihat berfungsi sebagai penunjuk arah berupaya memberi panduan serta dapat mengimbangi gelagat ahli organisasi. Ia juga dapat bertindak sebagai satu ikatan yang boleh merapatkan hubungan sesama ahli dalam organisasi.

*Bersambung pada keluaran akan datang

¹Tajuk ini merupakan tugasan kumpulan penulis sewaktu mengikuti pengajian ijazah sarjana muda di Universiti Malaya.
Pengisian tajuk ini telah disusun semula untuk kesesuaian para pembaca

BORANG BAYARAN ZAKAT

MAKLUMAT PEMBAYARAN ZAKAT

Nama (Seperti Dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan

(Baru) - -

(Lama)

Alamat Surat Menyurat

Poskod Negeri

No. Telefon Rumah

Telefon Bimbit

Pejabat

Email

Pekerjaan/Jawatan

Kerajaan Swasta Peniaga Lain-lain (Nyatakan)

JENIS ZAKAT	RM	SEN
Zakat Wang		
Zakat Perniagaan		
Zakat Saham		
Zakat KWSP/LTAT		
Zakat Emas/Zakat Perak		
Zakat Tanaman		
Zakat Ternakan		
Zakat Harta Rikaz		
Lain-lain (Nyatakan)		
Jumlah		

CARA BAYARAN

Tunai Cek/No. Lain-lain

NIAT MENGELUARKAN ZAKAT

"Inilah wang / *Cek bernilai RM..... untuk menunaikan zakat yang wajib ke atas diri saya / * pihak yang saya wakil bagi tahun berakhir (haul)..... kerana Allah Ta'ala.

Tarikh : Tandatangan:

*Semua bayaran melalui pos hendaklah menggunakan cek / wang pos / kiriman wang atas nama Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan (MAIPk)

HUBUNGI KAMI :

Majlis Agama Islam & 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak
Tel.: 05-255 0485, 255 3809, 254 8776 Faks: 05-241 4257

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Batu Gajah
No. 5A, Lorong Dewangsa 2, Jalan Dewangsa
31000 Batu Gajah, Perak
Tel: 05-365 1290 Faks: 05-365 3504

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Kampong Gajah
Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran Agama Islam
Jalan Tanjong Tualang, 36800 Kampong Gajah, Perak
Tel. 05-631 2208 Faks: 05-631 3078

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Taiping,
Jalan Muzium, 34000 Taiping, Perak
Tel.: 05-806 6564 Faks: 05-805 8048

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Teluk Intan
Kompleks Tadbiran Agama Islam, Jalan Raja Muda Musa
36000 Teluk Intan, Perak
Tel.: 05-621 6194 Faks: 05-621 2263

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Tapah
Kompleks Tadbiran Agama Islam,
Jalan Raja 35000 Tapah, Perak
Tel.: 05-401 4858 Faks: 05-401 0490

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Slim River
Jalan Rumah Rehat, 35800 Slim River, Perak
Tel.: 05-452 0653 Faks: 05-452 6221

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Kuala Kangsar
Jalan Raja Chulan, Persiaran Permai,
33000 Kuala Kangsar, Perak
Tel.: 05-776 8371 Faks: 05-777 3400

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Bagan Serai,
Jalan Matang Buluh, 34300 Bagan Serai, Perak
Tel.: 05-721 2926 Faks: 05-716 2141

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Parit Buntar
JKR 1540N, Jalan Persiaran Permai,
Taman Kerian Permai,
34200 Parit Buntar, Perak
Tel.: 05-716 7090 Faks: 05-716 6010

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Pengkalan Hulu
Jalan Tasek, 33100 Pengkalan Hulu, Perak
Tel.: 04-477 8077 Faks: 05-477 8917

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Gerik
Lot 11064, Jalan Suda Bahagia
Off Jalan Sultan Iskandar
33300 Gerik, Perak
Tel.: 05-791 3755 Faks: 05-791 0137

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Selama,
Jalan Menteri, 34100 Selama, Perak
Tel.: 05-839 3744 Faks: 05-839 1064

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Lenggong
Jalan Alang Iskandar, 33400 Lenggong Perak
Tel.: 05-767 8869 Faks: 05-767 8542

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Seri Manjung
No. 7 & 8A, Persiaran PM 3/6, Pusat Bandar Seksyen
32040 Seri Manjung, Perak
Tel.: 05-688 6957 Faks: 05-688 7599

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Seri Iskandar
Aras 2, Kompleks Pentadbiran Daerah
32600 Seri Iskandar, Bota, Perak
Tel.: 05-371 1310 Faks: 05-371 2445

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Pejabat Pentadbiran Daerah Kampar,
Lot 105, 106 Jalan Idris
31500 Kampar, Perak.
Tel.: 05-465 1143 Faks: 05-465 1151

Zakat Fitrah dan Hukum-Hukum Yang Berkaitan Dengannya¹

1. **Fitrah adalah termasuk di dalam zakat yang terkandung dalam rukun Islam yang ketiga**, iaitu wajib dengan ijmak (kesepakatan) para ulama' dan ini berdalilkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a. katanya yang bermaksud:

"Telah memfardhukan Rasulullah SAW akan zakat fitrah pada tiap-tiap Ramadhan ke atas seluruh umat manusia segantang daripada buah tamar atau segantang syair (sejenis gandum) ke atas setiap laki-laki dan perempuan sama ada merdeka atau hamba daripada orang-orang Islam" diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim.

2. **Syarat-syarat wajib individu yang mengeluarkan zakat fitrah:-**

- i. Islam dan merdeka (bukan hamba)
- ii. Mempunyai sesuatu (makanan, harta atau wang) yang lebih daripada keperluannya dan keperluan yang wajib disarainya termasuk jandanya yang masih di dalam idah, atau isterinya yang ditalak secara talak raj'ie atau talak baien yang hamil dengan kadar yang mencukupi, untuk satu malam dan satu hari raya.
- iii. Bahawa, individu itu tidak di bawah tanggungan (saraan) orang lain seperti isteri di bawah saraan suami dan anak di bawah saraan bapa umpamanya, maka yang wajib mengeluarkan ialah suami atau bapa.

3. **Syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk individu di bawah tanggungannya:-**

- a. Islam
- b. Orang (termasuk anak yang dilahirkan) yang hidup pada masa satu saat sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan sehingga satu saat pada awal Syawal setiap tahun.
- c. Seseorang yang wajib disarai nafkahnya iaitu isteri atau isteri-isterinya, anak-anak, ibu atau bapa yang fakir.

4. **Hukum dan cara berniat membayar zakat fitrah**

Wajib ke atas individu yang mengeluarkan zakat fitrah berniat, sama ada pada masa menyerahkan zakat fitrah atau sebelum itu iaitu pada masa mengasingkan (menentukan) benda yang akan difitrahkan itu. Niatnya ialah, "ini zakat fitrah yang wajib bagi diri saya pada tahun ini kerana Allah Taala". Jika membayar zakat fitrah dengan wang, hendaklah berniat dengan perkataan ganti beras zakat fitrah iaitu, "ini wang ganti beras zakat fitrah yang wajib ke atas saya, bagi diri saya dan bagi orang yang di bawah / di dalam tanggungan saya pada tahun ini kerana Allah Taala".

5. **Benda yang dijadikan fitrah dan kadarnya**

- i. Benda yang dijadikan zakat fitrah itu ialah makanan (makanan utama / makanan asasi) di negeri itu sendiri seperti beras di Malaysia dan beberapa negeri di sekelilingnya.
- ii. Kadarnya satu gantang Baghdad iaitu menyamai 2 1/2 cupak sukatan Malaysia atau tiga kati dan 12 tahil dengan timbangannya (sukatan Syafie 600-900 gram).

6. **Menyerahkan fitrah kepada orang yang bukan amil**

Menyerahkan (membayar) zakat fitrah kepada orang yang bukan amil adalah haram dan tidak sah dan pemerintah berhak menuntut bayaran sekali lagi.

¹Tajuk ini dinukil daripada Buku *Nubzatul Ikhtisar* yang ditulis oleh bekas Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Ghazali bin Haji Abdullah dan diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.